

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : HARIAN METRO
TARIKH / HARI : 2 FEBRUARI 2017 (KHAMIS)



AHMAD Zaharin memberi payung kepada pelanggan yang menggunakan kaunter pandu lalu di Wisma MBSA.

Shah Alam

Kaunter pandu lalu percepat urusan

Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menyediakan kaunter bayaran pandu lalu sejak 1 November lalu di pekarangan MBSA bagi memudahkan orang ramai membuat pembayaran tanpa perlu berurusan di kaunter utama.

Kaunter yang dirasmikan Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad, baru-baru ini dibuka bermula jam 7.30 pagi hingga 5.30 petang.

Pengguna, Hasliza Ahmad Abidin, 32, berkata, kaunter itu memudah serta mempercepatkan urusan kerana penduduk sekitar tidak perlu bersusah payah

menunggu giliran.

“Selalunya saya terpaksa menunggu giliran untuk membayar cukai dan saman. Sekarang dengan adanya kaunter pandu lalu ini, ia lebih senang kerana menjimatkan masa.

“Di kaunter ini bukan saja boleh bayar cukai, saman pun mereka terima,” katanya ketika ditemui, di kaunter itu.

Sementara itu, Ahmad Zaharin berkata, kaunter itu sudah beroperasi sejak 1 November lalu dan tiga kaunter dibuka pada waktu puncak manakala satu atau dua kaunter saja dibuka pada waktu biasa.



KETUA Gudang BERNAS Kuantan, Bahjan Ahmad Radzi (kiri) menyampaikan sumbangan beras ikhlas BERNAS kepada mangsa banjir di Temerloh.